

PSP Menang Bergaya Raih 3 Anugerah dalam Program Young SocialPreneur 2023 (YS2P 3.0)

26 Oktober - Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada Kumpulan Capt Empire Kifah kerana telah menjulang nama Politeknik Seberang Perai apabila menang bergaya dengan meraih 3 anugerah sempena Program Young SocialPreneur 2023 (YS2P 3.0) peringkat kebangsaan dengan produk mereka Qoorta Loka.

Program YS2P 3.0 ini telah memenangi The Malaysia Book of Record yang diterajui oleh Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi serta PKT Logistics Group Sdn. Bhd.

Majlis Penutup Program Young SocialPreneur 2023 yang diadakan bertempat di The Ship Campus, Batu kawan, Pulau Pinang telah dirasmikan oleh YBrs. Dr Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi. Turut hadir YBhg. Dato' Seri (Dr.) Michael Tio, CEO PKT Logistics Group Sdn. Bhd.

3 anugerah milik Capt. Empire Kifah PSP, iaitu:

1. Anugerah Vlog TikTok Vlog Paling Popular beserta trofi
2. Anugerah CEO Terbaik – Muhammad bin Mohd Idrus (pelajar Jabatan Perdagangan)

Menerima hadiah biasiswa bernilai RM80, 000 pengajian di PKT beserta trofi

3. Anugerah 1st Runner Up bernilai RM2000 beserta trofi kepada 10 ahli kumpulan Tahniah Puan Nour Azira binti Nazeri (Ketua Unit Keusahawanan PSP), mentor pelajar Mohd Hafaif bin Murad dan Muhd Muslim bin Abu Bakar serta Puan Suliza binti Othman sebagai fasilitator.



